

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH AGUNG,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR.

Bil: (47) dlm. JK/MA 16

Tarikh: 31 Mac, 1988.

Kepada:

Semua Hakim Mahkamah Sesyen,
Malaya/Borneo.

Pekeliling Pendaftar (A) No.5 Tahun 1988

Penyata-Penyata Kes Mahkamah

Adalah saya merujuk kepada Pekeliling Pendaftar (A) No. 3 Tahun 1988 bertarikh 3hb. Februari, 1988 dan Pindaan kepada Pekeliling tersebut bertarikh 22hb. Februari, 1988 dan memaklumkan bahawa borang-borang yang telah dihantar bersama dengan Pekeliling tersebut telah didapati beberapa kesilapan.

2. Bersama-sama ini disertakan borang-borang baru yang patut digunakan untuk melaporkan kes-kes berkenaan.

3. JENIS-JENIS BORANG

(a) Mahkamah Sesyen

Borang MS-1 - Penyata Bulanan kes-kes sivil.

MS-2 - Jumlah kes-kes sivil yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MS-3 - Penyata Bulanan rayuan-rayuan sivil yang tertangguh.

MS-4 - Penyata Bulanan kes-kes jenayah.

MS-5 - Jumlah kes-kes jenayah yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MS-6 - Penyata Bulanan rayuan-rayuan jenayah yang tertangguh.

MS-7 - Penyata Bulanan kes-kes jenayah yang melibatkan kepentingan awam.

4. PENGEMUKAAN BORANG-BORANG

Mahkamah Sesyen

(a) (i) Borang MS-1, dan 4 hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar dan salinannya kepada Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi tempatan masing-masing pada tiap-tiap bulan.

(ii) Borang MS-2 dan 5 hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar dan salinannya kepada Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi tempatan masing-masing bagi tiap-tiap tahun.

(iii) Borang MS-7 hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar sahaja bagi tiap-tiap bulan.

(iv) Borang MS-3 dan 6 hendaklah dihantar kepada Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi tempatan masing-masing sahaja bagi tiap-tiap bulan.

(b) (i) Semua borang-borang bulanan hendaklah dihantarkan pada atau sebelum 7hb. bulan berikutnya.

(ii) Semua borang-borang tahunan hendaklah dihantarkan pada awal tiap-tiap tahun berikutnya.

5. Penyata Harian

(a) Penyata harian hendaklah dihantarkan kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi tempatan masing-masing.

6. Sila ambil perhatian bahawa kecuali Pekeliling Pendaftar (U) No.8 Tahun 1981 dan (U) No.2 Tahun 1985 mengenai Kelambatan Menulis Alasan-Alasan Hukuman, lain-lain penyata kes yang tidak disebutkan dalam Pekeliling ini tidaklah perlu lagi dan adalah dibatalkan.
7. Kesilapan di dalam perkara ini adalah dikesali.

tt. HAIDAR BIN MOHD.NOOR

Ketua Penadaftar.

s.k. Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuching.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya/Borneo.